

BAHAN PERHUBUNGAN MEDIA DALAM KALANGAN ORGANISASI:

PERSPEKTIF EDITOR MEDIA MASSA DI MALAYSIA

OLEH

MOHD YAHYA MOHAMED ARIFFIN

(Artikel 6)

Bahan-bahan perhubungan media merupakan aspek yang penting dalam strategi komunikasi bagi menyalurkan maklumat sesebuah organisasi kepada media massa. Amalan perhubungan media pula penting dan diperlukan oleh pengamal editor pertubuhan media untuk mendapatkan maklumat daripada organisasi tetapi mesti diuruskan oleh pengamal perhubungan awam yang berpengalaman, mahir dan profesional. Bagi merealisasikannya, amat kritikal bagi pengamal perhubungan awam membina hubungan yang berkesan dengan editor pertubuhan media. Makalah ini memfokus kepada kepentingan penghantaran bahan perhubungan media tersebut dari perspektif editor pertubuhan media di Malaysia. Kaedah wawancara dilaksanakan bagi menganalisis pendapat para editor mengenai amalan penghantaran bahan-bahan kepada mereka. Analisis menunjukkan para editor pertubuhan media bersetuju bahawa amalan atau budaya perhubungan media sangat penting di negara ini selain cadangan-cadangan dalam usaha membantu meningkatkan keberkesannya di negara ini. Para editor memberikan pandangan yang positif mengenai kaedah penghantaran bahan-bahan kepada pertubuhan media. Responden telah memberikan pelbagai pandangan menarik yang mungkin boleh dijadikan budaya kepada pengamal perhubungan awam di negara ini khususnya negeri Selangor.